

11 AUG 2000

Abdullah-Mahathir

DR MAHATHIR SEDIH ADA UMAT ISLAM BENCI KERAJAAN SENDIRI

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri telah menyatakan rasa sedih dan bimbang kerana ada di kalangan orang Islam mengambil sikap membenci kerajaan yang telah banyak berjasa memajukan umat Islam di negara ini, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut beliau, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan perasaannya itu semasa berucap pada Majlis Penerangan Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Dr Mahathir telah mendedahkan kewujudan kumpulan tertentu yang sengaja menimbulkan perselisihan dalam soal ibadah serta jihad bagi menimbulkan kebencian orang Islam kepada kerajaan.

"Presiden parti menjelaskan sikap kumpulan ini yang terlalu memusatkan perhatian kepada isu kecil sehingga memalingkan perhatian rakyat daripada isu besar yang ada hubung kait dengan masa depan pembangunan umat Islam," katanya pada sidang media selepas menghadiri majlis tertutup itu.

Dr Mahathir tidak menemui pemberita selepas majlis itu kerana berlepas ke Langkawi untuk melancarkan sambutan ulangtahun pertama pelayaran bersejarah Datuk Azhar Mansor secara solo mengelilingi dunia di resort Awana Porto Malai.

Abdullah berkata Perdana Menteri turut menjelaskan bahawa tindakan kumpulan terbabit telah menyebabkan usaha kerajaan untuk memajukan umat Islam tergendala kerana terheret dalam perbincangan dan perbalahan tentang isu-isu lain.

Dr Mahathir juga mengingatkan anggota Umno bahawa mereka tidak boleh lari dari masalah yang ditimbulkan kumpulan berkenaan, sebaliknya mereka perlu menghadapinya dengan mengadakan pertemuan dengan rakyat bagi menjelaskan perjuangan Umno yang sebenar.

Menurut Abdullah, Dr Mahathir dalam ucapannya turut mengulangi apa yang telah dibangkitkannya semasa perhimpunan agung Umno Mei lepas iaitu parti itu sekarang bergerak dalam suasana yang bersifat bermusuhan terhadapnya kerana wujud kempen pihak tertentu bagi menimbulkan kebencian rakyat terhadap Umno dan kerajaan.

Suasana kebencian juga ditimbulkan berikutan adanya kempen kumpulan tertentu yang menggunakan isu bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kumpulan Al-Ma'unah bagi kepentingan mereka.

Abdullah berkata Dr Mahathir mahukan anggota Umno sentiasa berada dalam keadaan bersiap sedia untuk menghadapi segala cabaran dan masalah yang ditimbulkan oleh kumpulan itu.

"Umno adalah satu parti yang berjihad untuk pembangunan umat Islam, untuk memajukan Malaysia dan kita berada dalam keadaan aman untuk menjalinkan kerjasama dengan setiap rakyat walaupun bukan Islam, dengan cara yang baik dan hormat-menghormati," katanya.

Abdullah berkata ucapan Dr Mahathir selama satu setengah jam itu mendapat sambutan yang amat baik daripada kira-kira 2,000 anggota Umno yang hadir.

Ditanya sama ada ucapan Dr Mahathir turut menyentuh isu peletakan jawatan Datuk Seri Abu Hassan Omar sebagai Menteri Besar Selangor, Abdullah berkata perkara itu tidak disentuh.

Pada sidang media itu, Abdullah turut memaklumkan bahawa mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno yang akan datang ialah pada minggu pertama bulan depan.

--BERNAMA

NY/HS MAM RON